

25 JUN 2001  
PERDASAMA-GLOBALISASI  
USAHAWAN MELAYU PERLU BERSEDIA UNTUK HADAPI CABARAN GLOBAL

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Usahawan Melayu tidak perlu lagi membuang masa bagi memenuhi seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya bersedia dalam menghadapi cabaran dunia "tanpa sempadan", kata Datuk Moehamat Izat Emir, presiden Persatuan Perdagangan dan Pengeksport Melayu Malaysia (Perdasama).

Perdasama mewakili peniaga Melayu dan pengeksport dalam negara.

Izat berkata mereka kini sepatutnya bekerja ke arah berdikari dan mengurangkan penggantungan terhadap kontrak-kontrak kerajaan.

Pada perhimpunan agung UMNO minggu lepas, Dr Mahathir berkata apabila tembok negara "dirobohkan" oleh warga asing melalui globalisasi, kesemua polisi yang melindungi hak-hak istimewa Melayu akan dicabar.

Perdana Menteri berkata Melayu yang penyabar, bekerja keras, tidak bergantung kepada hak istimewa mereka atau tidak mahu menjadi kaya dengan cepat dan akan melakukan perkara-perkara secara halal akan menjadi rakyat Malaysia yang berdaya tahan dan berjaya.

Dalam satu temubual dengan Bernama hari ini, Izat berkata, "Masa mendapatkan sebanyak mungkin kontrak-kontrak kerajaan dan kemudian "memberikan"nya kepada rakan sejawat yang bukan Melayu untuk komisyen kini telah berakhir."

Sebaliknya, beliau berkata mereka sepatutnya bekerja dengan rakan sejawat bukan Melayu mereka yang lebih berjaya dalam cara yang pro-aktif secara "pengalaman secara langsung" dalam perniagaan mereka.

Dengan pengalaman secara langsung itu sekarang akan membolehkan mereka tidak ketinggalan jauh ke belakang oleh rakan sejawat mereka yang bukan Melayu, katanya.

Izat berkata sejumlah usahawan Melayu yang telah bekerja keras ketika sama-sama bersepasukan dengan rakan bukan Melayu mereka sebelum ini telah berjaya hari ini.

Beliau juga berkata golongan Melayu sepatutnya memberi perhormatan terhadap peringatan daripada Dr Mahathir itu yang bukan hanya mahukan mereka berjaya tetapi juga keturunan mereka.

"Ianya seperti satu peringatan daripada seorang bapa kepada cucunya," kata Izat.

Bagi Perdasama, beliau berkata ia akan mengadakan lebih banyak perbincangan dan seminar bagi membantu menukar pemikiran usahawan Melayu kepada seorang yang mempunyai etika bekerja keras and bergantung sendiri daripada bergantung sepenuhnya terhadap kontrak-kontrak kerajaan.

Perdasama, kata beliau, akan menunjukkan cara ke arah membantu mereka mengenal pasti produk-produk atau perkhidmatan yang boleh mereka ketengahkan ke pasaran, bukan hanya kepada sektor awam tetapi juga sektor swasta.

Izat juga menyeru kerajaan tempatan supaya mengambil kira keperluan usahawan Melayu dalam perancangan bandar mereka kerana mereka ini memerlukan lebih daripada gerai-gerai atau lorong untuk perniagaan mereka.

"Kita telah cukup dengan itu," kata Izat sambil merujuk kepada keadaan daif peruncit-peruncit Melayu, yang juga dibangkitkan oleh Dr Mahathir dalam ucapan pembukaannya pada perhimpunan UMNO itu yang Melayu tidak mengubah perniagaan mereka berubah daripada "tepi jalan ke kedai batu." --

BERNAMA

SHY SHY NHD OS